



06 JUL, 2025

LAWATANINI SATU KEJAYAAN: MACRON



Metro Ahad, Malaysia

lokal

ANWAR bersama Macron mengadakan pertemuan di Istana Elysee, Paris.

Paris

Presiden Perancis Emmanuel Macron menyifatkan lawatan dua hari Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Perancis sebagai berjaya, dengan kedua-dua negara meningkatkan lagi kerjasama dalam semua sektor.

Beliau berkata, ini dicapai melalui pertemuan peringkat tinggi Anwar dengan rakan sejawatnya dari Perancis, François Bayrou dan pegawai kanan lain, ucapan penting beliau di Sorbonne University Paris dan pertemuan dengan wakil perniagaan Perancis.

Macron turut menyifatkan lawatan itu sebagai bermakna berikutan lawatan rasmi terakhir oleh pegawai tinggi Malaysia adalah 15 tahun lalu.

Selain itu, katanya, beliau gembira melihat kedua-dua negara memetik rai perjanjian dalam bidang seperti mineral dan pembelian pesawat.

"Lawatan ini satu kejayaan. Kami juga mendengar ucapan anda (Anwar) di universiti dan itu adalah detik yang amat penting," katanya pada sidang media bersama selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan Anwar di Istana Elysee di sini, semalam.

Terdahulu, Anwar menyampaikan syaran berljuk, *Southeast Asia and Europe: Recalibrating The Terms of Engagement of Sorbonne University Paris apabila beliau menggesa kerjasama yang setara dalam semua aspek antara Asia Tenggara dan Eropah.*

Macron berkata, hubungan Perancis dengan Malaysia dan Asean semakin kukuh serta lawatannya ke Indonesia, Vietnam dan

LAWATANINI SATU KEJAYAAN: MACRON

Presiden Perancis gembira meterai perjanjian dalam bidang mineral, pembelian pesawat

Singapura pada Mei lalu menjadikan petunjuk kepada Perancis dalam usaha hubungan serantau yang meningkat.

"Di Asia Tenggara, saya menegaskan sokongan kami terhadap jaringan tenaga elektrik serantau, termasuk sokongan terhadap tenaga nuklear awam," kata

Sementara itu, Anwar berkata, beliau berharap Presiden Perancis akan mengadakan lawatan ke Malaysia selepas menghadiri Sidang Kemuncak Francophone ke-20 di Kembangkok tahun depan.

Beliau berkata, hubungan dua hala antara kedua-dua negara kian kukuh dengan komitmen kerajaan Perancis di bawah kepimpinan Macron.

"Malaysia Airlines dan AirAsia membeli lebih banyak pesawat. Sarawak juga sedang memperkuat syarikat penerbangan milik mereka sendiri melalui kerjasama dengan Perancis," kata Anwar, yang juga Menteri Kewangan.

Pada masa yang sama, beliau berharap syarikat Perancis akan terus menghasilkan komponen pesawat di Malaysia.

Dalam sektor tenaga, Petroliam Nasional Bhd (Petronas) bekerjasama

dengan rakan-rakannya dari Perancis dalam usaha sama mereka di Amerika Latin dan Afrika.

Semalam, AirAsia mendatangkan perjanjian membeli pesawat jarak jauh Airbus 321XLR bernilai AS\$12.25 bilion (RM51.72 bilion), dengan serahan di tahnah pada 2028.

Perdana Menteri turut menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) antara 3P Capital Advisers dan Ardian, syarikat pelaburan persendirian terkemuka dari Perancis dalam usaha mereka peluang pelaburan dalam pasaran persendirian.

Anwar berkata, inisiatif sektor swasta ini dapat memberikan rakyat Malaysia akses yang lebih luas kepada pelaburan alternatif.

Dalam pertemuan dengan Imerys, syarikat pemproses mineral industri yang telah bertapak di Malaysia selama lebih 25 tahun, Anwar berkata, syarikat itu sudah menyatakan komitmennya untuk memperluas operasi dan menyokong pembangunan sektor pembuatan bermilai tinggi dan mesra alam di negara ini.

Anwar turut mengadakan pertemuan dengan

pimpinan Arkema, peniaga global dalam bidang kimia khas yang sedang menilai potensi pelaburan baharu di Malaysia.

Dalam lawatan itu, Anwar diiringi Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan, Menteri Pengangkutan Anthony Loke, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Turut menyertai delegasi itu ialah Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Akmal Nasrullah Mohd Nasir.

Perancis kekal sebagai antara lima rakan dagang utama Malaysia dalam klangang negara EU.

Pada 2024, jumlah dagangan dua hala antara kedua-dua negara mencecah RM15.95 bilion (AS\$3.69 bilion), dengan RM6.26 bilion (AS\$1.49 bilion) direkodkan bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini.

Dari Perancis, Anwar akan ke Brazil untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin BRICS dari 5 hingga 7 Julai. - Bernama